

Perdana Menteri Umum Pewujudan Zon Selamat Sabah Timur

Bernama

25 Mac, 2013

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan pewujudan Zon Selamat Sabah Timur atau Eastern Sabah Safety Zone (ESSZONE) di kawasan timur Sabah merangkumi 10 daerah.

Beliau berkata ESSZONE membabitkan daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau itu berkuat kuasa hari ini.

"Sebagai memberi asas perundangan kepada Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) dan bagi memelihara hak demokratik serta proses demokrasi untuk penduduk Sabah serta mengukuhkan keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan di kawasan timur Sabah, saya dengan ini mengumumkan, setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong seperti mana yang diperuntukkan di bawah Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 1962, mengisytiharkan pewujudan ESSZONE di kawasan timur Sabah merangkumi 10 daerah.

"Sepuluh daerah ini akan ditadbir oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan menurut Peraturan-peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam 2013 yang digubal oleh menteri dalam negeri," katanya ketika berucap pada perbarisan sempena peringatan Hari Polis ke-206 di Pulpal, Jalan Semarak di sini hari ini.

Menurut beliau, jawatankuasa dikenali Jawatankuasa Zon Selamat Sabah Timur akan dipengerusikan ketua menteri Sabah dan dibantu seorang ketua pegawai eksekutif serta anggota-anggota yang akan diumumkan kelak.

Najib berkata pewujudan ESSZONE setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 1962.

ESSCOMM diwujudkan berikutan pencerobohan pengganas Sulu di Lahad Datu pada 12 Feb. Pengganas membunuh lapan anggota polis dan seorang anggota tentera dalam insiden itu. Seorang lagi anggota tentera terkorban dalam satu kemalangan jalan raya ketika mengikuti konvoi operasi di kawasan itu. Tindakan ofensif kerajaan yang dinamakan Operasi Daulat dan dilancarkan pada 5 Mac lepas, berjaya membunuh 65 pengganas setakat ini.

Najib berkata jawatankuasa itu akan beribu pejabat di Lahad Datu dan bertanggungjawab kepada jawatankuasa pemantau yang dipengerusikan perdana menteri sendiri.

"Dengan penubuhan jawatankuasa ESSZONE ini, kerajaan mengambil pendekatan holistik dan bukan pendekatan ketenteraan semata-mata bagi melindungi kawasan Timur dan seterusnya mencari penyelesaian kepada isu pencerobohan itu.

"Pada hari ini tiga buah kabin yang akan jadi asas kepada kewujudan ESSCOMM tiba di Lahad Datu dan akan berfungsi tidak lama lagi," katanya.

Dalam pada itu, Najib menegaskan ESSZONE bukannya pengisytiharan darurat di bawah perkara Perlembagaan Persekutuan.

"Ia tidak sekali-kali menghalang proses pilihan raya dan peraturan yang bebas, telus dan demokratik serta tidak memberikan sebarang kuasa tambahan kepada pihak polis," katanya.

Beliau berkata jika ada orang yang berpendapat haknya terjejas, boleh membawa kerajaan ke mahkamah melalui proses perundangan.

"Kehidupan akan berjalan seperti biasa di kawasan berkenaan tetapi dengan peningkatan kawalan keselamatan bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat," katanya.

Perdana menteri turut menjelaskan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang digunakan untuk menjalankan penyiasatan dan tangkapan dalam semua kes melibatkan pengganas di Sabah ketika ini ialah suatu akta melibatkan prosedur semata-mata.

"Ia tidak digubal sebagai akta yang memberikan kuasa mengisytiharkan kawasan keselamatan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Bagi setiap tangkapan yang dibuat di bawah SOSMA, pertuduhan akan dibuat menggunakan undang-undang biasa dan dibicarakan di mahkamah sebagaimana kes-kes jenayah yang lain," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937032>